



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PERKAITAN DI ANTARA SOKONGAN SOSIAL DAN INTERAKSI
KELUARGA DENGAN KEFUNGSIAN KELUARGA BERISIKO**

NORMADINIATUL SHIDA MOHD HAIDIN

FEM 2002 5

**PERKAITAN DI ANTARA SOKONGAN SOSIAL DAN INTERAKSI
KELUARGA DENGAN KEFUNGSIAN KELUARGA BERISIKO**

Oleh

NORMADINIATUL SHIDA MOHD HAIDIN

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti
Putra Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Untuk Ijazah Master Sains**

Mei 2002



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains

**PERKAITAN DI ANTARA SOKONGAN SOSIAL DAN INTERAKSI
KELUARGA DENGAN KEFUNGSIAN KELUARGA BERISIKO**

Oleh

NORMADINIATUL SHIDA MOHD HAIDIN

Mei 2002

Pengerusi : Dr. Rumaya Juhari

Fakulti : Ekologi Manusia

Kajian ini bertujuan untuk menentukan perkaitan di antara latarbelakang ibu (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan, jumlah pendapatan bulanan keluarga dan bilangan anak), sokongan sosial dan interaksi keluarga (kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan) dengan kefungsi keluarga berisiko. Sampel (N=115) ibu yang mempunyai anak remaja resilien merupakan subsampel kajian 'Ekologi Keluarga Berisiko: Proses Interaksi dan Perkembangan Resiliensi Anak' (Rumaya, Rozumah & Rojanah, 2000) yang dibiayai oleh IRPA (*Intensification of Research in Priority Areas*). Data telah dikumpulkan secara temubual bersemuka berpandukan borang soal-selidik.

Sokongan sosial yang diterima oleh responden telah diukur menggunakan 'Social Support Questionnaire (Shortform)' (Sarason, Sarason, Shearin & Pierce,



1987). Kepuasan perkahwinan responden telah diperolehi menggunakan *Kansas Marital Satisfaction Scale* (Schumm, 1986) yang telah diubahsuai (Rumaya, 1997), manakala pengurusan konflik telah diukur menggunakan *Conflict Tactic Scales* (CTS) (Straus, 1979). *Parent's Report* (Dibble & Cohen, 1974) telah digunakan untuk mengenalpasti kualiti tingkahlaku keibubapaan. Kefungsian keluarga pula telah diukur menggunakan *Family Assessment Device* (FAD) (Epstein, Baldwin & Bishop, 1983). Soalan terbuka turut dikemukakan untuk mendapatkan maklumat yang lebih jelas bagi setiap variabel tumpuan.

Dapatan kajian menunjukkan sebahagian besar (57%) responden memperolehi jumlah sumber sokongan yang rendah tetapi berpuashati terhadap sokongan yang diterima (61.4%). Lebih daripada separuh (54.8%) responden melaporkan kepuasan tinggi dalam perkahwinan serta mahir menguruskan konflik (56.6%). Separuh (50%) daripada responden didapati mempunyai kualiti tingkahlaku keibubapaan yang baik. Manakala hampir separuh (47.8%) keluarga responden berfungsi dengan baik.

Hasil kajian menunjukkan terdapat perkaitan yang signifikan di antara sokongan sosial (kepuasan terhadap sokongan yang diterima) ($\rho=-0.34$, $p\leq 0.001$), kepuasan perkahwinan ($\rho=-0.39$, $p\leq 0.001$), pengurusan konflik perkahwinan ($\rho=-0.26$, $p\leq 0.01$) dan kualiti tingkahlaku keibubapaan ($\rho=-0.39$, $p\leq 0.001$) dengan kefungsian keluarga responden.

Analisis regresi berganda menunjukkan kepuasan perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan menyumbang secara unik terhadap kefungsiian keluarga ($F=8.16$, $p \leq 0.001$). Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan variabel interaksi keluarga iaitu kepuasan perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan mempengaruhi kefungsiian keluarga berisiko.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment
of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIPS BETWEEN SOCIAL SUPPORT AND FAMILY
INTERACTION WITH FUNCTIONING OF AT-RISK FAMILIES**

By

NORMADINIATUL SHIDA MOHD HAIDIN

May 2002

Chairman: Dr. Rumaya Juhari

Faculty: Human Ecology

The purpose of the study is to determine the relationships between mother's background (age, years of formal education, job status, family income and number of children), social support and family interaction (marital quality and parental behaviour) with functioning of at-risk families. Sample (N=115) of mothers with resilient adolescents are subsample from 'The Ecology of At-Risk Family: Interactional Processes and Children's Resiliency' research (Rumaya, Rozumah & Rojanah, 2000), funded by *Intensification of Research in Priority Areas* (IRPA). Data were gathered by face to face interview using a structured questionnaire.

Social support received by respondents was measured using 'Social Support Questionnaire (Shortform)' (Sarason, Sarason, Shearin & Pierce, 1987). Marital



satisfaction was assessed using Kansas Marital Satisfaction Scale (Schumm, 1986) adapted by Rumaya (1997), while conflict management variable was measured by Conflict Tactic Scales (CTS) (Straus, 1979). Parent's Report (Dibble & Cohen, 1974) was used to measure respondent's parental behaviour, while family functioning was gathered by using Family Assessment Device (FAD) (Epstein, Baldwin & Bishop, 1983). Open-ended questions were asked to the respondents to gather more informations for the major variables.

Findings showed that more than half (57%) of the respondents received low social support but satisfied with the support they received (61.4%). More than half of the respondents (54.8%) reported high satisfaction in their marriage and practised good conflict management (56.6%). Half of the respondents (50%) practised moderate parental behaviour, while almost half (47.8%) of the respondent's had perceived that their family functioning were very good.

The findings showed that there are significant relationships between social support (satisfaction on support received) ($\rho=-0.34$, $p\leq 0.001$), marital satisfaction ($\rho=-0.39$, $p\leq 0.001$), marital conflict management ($\rho=-0.26$, $p\leq 0.01$) and parental behaviour ($\rho=-0.39$, $p\leq 0.001$) with respondent's family functioning.

Multiple regression analysis showed that marital satisfaction and parental behaviour uniquely predicted family functioning ($F=8.16, p\leq 0.001$). The study concludes that family interaction variables, specifically marital satisfaction and parental behaviour affect the functioning of at-risk families.



PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah, kerana dengan limpah kurnia-Nya saya berjaya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya semangat, kesabaran dan ketekunan yang dikurniakan Allah kepada saya sepanjang mengikuti pengajian ini merupakan anugerah yang tidak ternilai harganya.

Sekalung penghargaan buat Dr. Rumaya bt. Juhari, penyelia tesis yang juga merupakan pengerusi jawatankuasa penyeliaan. Jasa Dr. dalam memberikan sepenuh kepercayaan, bimbingan dan nasihat dalam menyiapkan tesis ini serta pelbagai perkara dalam kehidupan merupakan pemberian yang amat dihargai. Terima kasih Dr.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Madya Dr. Rozumah Baharudin, Puan Rojanah Kahar dan Dr. Asnarulkhadi Abu Samah yang merupakan ahli jawatankuasa penyeliaan. Bantuan, nasihat dan tunjuk ajar dalam tempoh saya menyiapkan tesis ini serta sepanjang saya bertugas sebagai Pembantu Penyelidik Siswazah adalah pertolongan yang amat saya sanjungi.

Setinggi penghargaan kepada semua pensyarah di Fakulti Ekologi Manusia, terutamanya di Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga di atas segala khidmat nasihat yang telah diberi sepanjang tempoh saya berada di



Universiti Putra Malaysia. Pengalaman sepanjang berada di UPM merupakan kenangan paling manis yang akan saya kenang selamanya.

Terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa saya, Encik Mohd Haidin Mohamad Don dan Puan Hamisah Hj. Shahudin di atas segala kasih sayang dan pengorbanan yang tiada batasnya. Sekalung terima kasih juga saya huluskan kepada adik saya, Mohd Najib di atas segala kasih sayang dan pemahaman yang dicurahkan. Sesungguhnya kasih sayang dan pengorbanan kalian merupakan pendorong paling besar untuk kejayaan ini.

Kepada sahabat yang disayangi Hanina Halimatusaadiah, setinggi-tinggi penghargaan di atas segala bantuan yang telah diberi sepanjang kita bersama-sama di UPM. Sesungguhnya persefahaman dan persahabatan di antara kita merupakan harta yang mungkin tidak dapat dicari ganti dengan mudah. Penghargaan juga saya tujukan buat rakan-rakan yang istimewa, Syazlin, Bariyah, Yuliana dan Siti serta rakan serumah yang lain di atas hubungan mesra yang telah kita jalinkan. Semoga hubungan yang amat berharga ini akan kita kekalkan hingga ke akhirnya.

NORMADINIATUL SHIDA MOHD HAIDIN



Tesis ini telah diserahkan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi keperluan ijazah Master Sains. Anggota Jawatankuasa Penyelia adalah seperti berikut:

Rumaya Juhari, Ph.D

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Rozumah Baharudin, Ph.D

Profesor Madya/Timbangan Dekan (Akademik)
Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Asnarulkhadi Abu Samah, Ph.D

Jabatan Sains Kemasyarakatan dan Pembangunan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Rojanah Kahar, MCL

Jabatan Pembangunan Manusia dan Pengajian Keluarga
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

AINI IDERIS, Ph.D

Profesor / Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:



SENARAI KANDUNGAN

| | Mukasurat |
|----------------------------------|-----------|
| ABSTRAK | ii |
| ABSTRACT | v |
| PENGHARGAAN | viii |
| PENGESAHAN | x |
| PENGAKUAN | xii |
| SENARAI JADUAL | xv |
| SENARAI RAJAH | xvi |
| | |
| BAB | |
| | |
| I PENDAHULUAN | |
| Pengenalan | 1 |
| Kenyataan Masalah | 7 |
| Kepentingan Kajian | 8 |
| Objektif Kajian | 10 |
| Am | 10 |
| Khusus | 10 |
| Hipotesis Kajian | 11 |
| Kerangka Konseptual Kajian | 14 |
| Definisi Istilah | 20 |
| Konseptual | 20 |
| Operasional | 20 |
| Limitasi Kajian | 23 |
| | |
| II ULASAN KARYA TERPILIH | |
| Sokongan Sosial | 25 |
| Kualiti Perkahwinan | 31 |
| Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan | 34 |
| Kefungsian Keluarga | 37 |
| Rumusan | 39 |
| | |
| III METODOLOGI | |
| Rekabentuk Kajian | 43 |
| Lokasi Kajian | 43 |
| Persampelan | 44 |
| Kaedah Pengumpulan Data | 45 |
| Variabel | 46 |
| Pengukuran Variabel | 46 |
| Maklumat Latarbelakang Responden | 46 |
| Sokongan Sosial | 47 |



| | |
|---|-----|
| Kualiti Perkahwinan | 49 |
| Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan | 52 |
| Kefungsian Keluarga | 54 |
| Kaedah Penganalisan Data | 58 |
| IV HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN | |
| Ciri Latarbelakang Ibu dalam Keluarga Berisiko | 62 |
| Sokongan Sosial yang diterima oleh Ibu dalam Keluarga Berisiko | 65 |
| Kualiti Perkahwinan Ibu dalam Keluarga Berisiko | 74 |
| Kualiti Tingkahlaku Keibubapaan Ibu dalam Keluarga Berisiko | 77 |
| Kefungsian Keluarga Berisiko | 80 |
| Perkaitan di antara Latarbelakang Responden dengan Kefungsian Keluarga Berisiko | 86 |
| Perkaitan di antara variabel bebas | 89 |
| Perkaitan di antara variabel bebas dan bersandar | 95 |
| Prediktor Unik Kefungsian Keluarga Berisiko | 102 |
| Rumusan Hasil Kajian | 104 |
| V RUMUSAN, KESIMPULAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN | |
| Rumusan Kajian | 107 |
| Kesimpulan Kajian | 120 |
| Implikasi Kajian | 123 |
| Cadangan | 126 |
| BIBLIOGRAFI | 127 |
| LAMPIRAN | |
| BIODATA PENULIS | |



SENARAI JADUAL

| Jadual | | Mukasurat |
|--------|--|-----------|
| 1 | Variabel kajian 'Perkaitan di antara Sokongan Sosial dan Interaksi Keluarga dengan Kefungsian Keluarga Berisiko' | 47 |
| 2 | Nilai kebolehppercayaan skala | 56 |
| 3 | Ciri ibu dalam keluarga berisiko | 64 |
| 4 | Maklumat sokongan sosial yang diterima oleh responden | 66 |
| 5 | Maklumat kualiti perkahwinan (kepuasan perkahwinan dan pengurusan konflik) ibu dalam keluarga berisiko | 75 |
| 6 | Maklumat kualiti tingkahlaku keibubapaan ibu dalam keluarga berisiko | 78 |
| 7 | Maklumat kefungsian keluarga responden | 82 |
| 8 | Maklumat kefungsian keluarga responden melalui soalan terbuka | 86 |
| 9 | Perkaitan di antara sokongan sosial dan interaksi keluarga (kualiti perkahwinan dan tingkahlaku keibubapaan) dengan kefungsian keluarga berisiko | 101 |
| 10 | Model regresi ke atas kefungsian keluarga berisiko | 103 |
| 11 | Prediktor kefungsian keluarga berisiko | 103 |
| 12 | Rumusan hasil kajian mengikut hipotesis | 104 |

SENARAI RAJAH

| Rajah | | Mukasurat |
|--------------|--|------------------|
| 1 | Kerangkakerja Konseptual Kajian 'Perkaitan di antara Sokongan Sosial dan Interaksi Keluarga dengan Kefungsian Keluarga Berisiko' | 19 |
| 2 | Individu dan organisasi yang sering memberi sokongan terhadap responden | 71 |
| 3 | Bentuk sokongan sosial yang diterima oleh responden | 72 |
| 4 | Kekerapan responden menerima sokongan sosial | 73 |

BAB I

PENDAHULUAN

Pengenalan

Secara umumnya, ekologi keluarga mempunyai perkaitan signifikan dengan perkembangan setiap individu di dalam keluarga. Ekologi keluarga merujuk kepada struktur keluarga dan persekitarannya, serta proses saling pergantungan di antara keduanya (Bristor, 1995). Kualiti ekologi keluarga dapat dikenalpasti berdasarkan kefungsian keluarga. Kefungsian keluarga diukur daripada pelbagai aspek seperti penyelesaian masalah, komunikasi, peranan, tanggungjawab, penglibatan ibu bapa dan kawalan tingkahlaku (Eipstein, Baldwin dan Bishop, 1983).

Kefungsian keluarga merujuk kepada bagaimana sesebuah keluarga itu berfungsi, dan berkait rapat dengan kesejahteraan psikologi dan tingkahlaku anak remaja dalam keluarga tersebut (Shek, 1997b). Walau bagaimanapun, kehadiran faktor risiko dalam keluarga mampu memberi kesan terhadap kefungsian keluarga. Voydanoff dan Donnelly (1998) menyatakan bahawa

faktor berisiko merujuk kepada keadaan atau variabel yang memberi impak negatif kepada kesihatan, kesejahteraan dan perlakuan sosial individu dalam sebuah keluarga. Dapatan kajian terdahulu menunjukkan antara faktor risiko yang mungkin wujud dalam keluarga adalah saiz keluarga besar (Rak & Patterson, 1996), interaksi keluarga yang negatif (Gerard & Buehler, 1999; Stern, Smith & Jang, 1999; Erel & Burman, 1995), pendapatan keluarga rendah (Stern et. al., 1999; Miller & Davis, 1997) dan pekerjaan yang tidak stabil (Kinnunen & Pulkinnen, 1998). Hasil kajian-kajian ini juga menunjukkan faktor risiko dalam keluarga boleh mempengaruhi interaksi keluarga dan kesejahteraan anak.

Dapatan kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa interaksi keluarga seperti kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan merupakan prediktor terhadap tahap kefungsi keluarga. Kajian Shek (1999a) mendapati hubungan *dyad* yang merangkumi penyesuaian perkahwinan, kepuasan perkahwinan, hubungan ibu bapa-anak dan pengurusan konflik ibu bapa-anak berkait rapat dengan persepsi anak tentang tahap kefungsi keluarga.

Sokongan sosial didefinisikan sebagai kepelbagaian tingkahlaku membantu (dalam bentuk kebendaan, kasih sayang, nasihat) yang diberi dalam interaksi sosial (Hilbert, 1990). Bantuan dan sokongan terhadap keluarga berisiko dapat menolong ahli keluarga mengurangkan tekanan yang dirasakan (Miller, Smeglia, Gaudet & Kitson, 1998; Hashima & Amato, 1994), seterusnya menggalakkan ibu

bapa dalam keluarga berisiko mempamerkan kasih sayang mereka terhadap anak-anak (Hashima & Amato, 1994). Selain itu, sokongan sosial dalam aspek *instrumental* (contoh: bantuan terhadap tugas seharian) dan *emosional* (contoh: sokongan moral) daripada ahli keluarga dan bukan ahli keluarga telah dikenalpasti dapat mempengaruhi penerimaan ibu bapa terhadap anak-anak (Chau-Kiu & Suk-Chin, 1997).

Menurut Shek (1997b), komponen yang terlibat dalam persekitaran keluarga merangkumi tingkahlaku keibubapaan, kefungsiian keluarga serta pengurusan konflik di antara anak dan ibu bapa. Dapatan tersebut menunjukkan bahawa terdapat salingkait di antara tingkahlaku keibubapaan dengan kefungsiian keluarga. Moos dan Moos (1981, 1986) dalam Fallon (2001) yang mengkaji perkaitan di antara kefungsiian keluarga dan perkembangan anak mendapati, anak remaja akan mengalami proses penyesuaian yang lebih baik apabila ahli keluarga mereka saling bersatu-padu, sering meluahkan perasaan masing-masing dan menguruskan rumahtangga dengan teratur.

Penyelidik terdahulu telah mengkaji perkaitan di antara hubungan *dyad* suami-isteri (kualiti perkahwinan) dan ibu-anak (kualiti tingkahlaku keibubapaan) (Contoh: Ketsetzis & Ryan, 1998; Rogers & White, 1998; Dumka & Roosa, 1997; Belsky, 1984). Hasil kajian Belsky (1984) menunjukkan tingkahlaku keibubapaan dipengaruhi secara langsung oleh faktor personaliti ibu bapa

sendiri, personaliti anak serta konteks sosial yang lebih luas termasuk hubungan dalam perkahwinan, jaringan sosial serta sejarah pekerjaan. Dapatan Rogers dan White (1998) konsisten dengan hasil kajian Belsky (1984), di mana mereka mendapati pasangan yang mempunyai kualiti perkahwinan yang baik turut mempamerkan kualiti tingkahlaku keibubapaan yang memuaskan. Selain itu, ibu bapa yang sering mengalami konflik dalam perkahwinan pula didapati kurang memberi sokongan terhadap anak-anak (Ketsetzis & Ryan, 1998; Dumka & Roosa, 1997). Hasil beberapa kajian ini menunjukkan kualiti perkahwinan yang baik turut mempengaruhi ibu bapa untuk bertingkahlaku positif dalam mendidik anak-anak.

Kajian ini melibatkan responden ibu dari keluarga berisiko yang mempunyai anak remaja yang resilien. Ciri-ciri ini dipilih bagi mengenalpasti sejauh manakah sokongan sosial serta interaksi keluarga (kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan) mempengaruhi keluarga berisiko untuk berfungsi dengan lebih baik. Resiliensi boleh ditakrifkan sebagai kebolehan seseorang individu untuk 'memantul semula' daripada kesusahan yang dialaminya (LaForge, 1998). Para cendekiawan telah mengenalpasti bahawa perkembangan resilien di kalangan anak-anak boleh dibentuk melalui kerjasama daripada pelbagai pihak terutamanya ahli keluarga, guru dan jiran (Henderson, 1998).

Kefungsian keluarga juga didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan kesihatan mental remaja. Dapatan kajian Shek (1997b) menunjukkan kefungsian keluarga mempengaruhi perkembangan remaja melalui dua cara, iaitu melalui tekanan yang memberi kesan terhadap emosi remaja serta tekanan yang menyebabkan remaja tidak bersedia untuk berinteraksi dengan ibu bapa. Aspek negatif dalam diri remaja seperti tiada arah tujuan dalam hidup merupakan hasil sosialisasi keluarga yang tidak dapat berfungsi dengan baik.

Voydanoff dan Donnelly (1998) telah mengenalpasti *Hypothetical Model* yang menggabungkan kesan faktor risiko dan faktor pelindung terhadap tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko. Dalam kajian tersebut, di antara komponen faktor risiko ialah tekanan ekonomi, keluarga induk tunggal, masalah kejiwaan dan kerja lebih masa ibu bapa. Komponen faktor pelindung pula ialah kegembiraan perkahwinan, kesejahteraan keibubapaan dan sumber daripada komuniti (sokongan formal, sokongan tidak formal, sumber daripada jiran dan persekitaran sosial). Kedua-dua faktor (risiko dan pelindung) mempunyai perkaitan yang signifikan dengan tingkahlaku keibubapaan dalam keluarga berisiko. Faktor risiko didapati mempunyai perkaitan secara negatif dengan tingkahlaku keibubapaan, manakala faktor pelindung mempunyai perkaitan secara positif dengan tingkahlaku keibubapaan.

Bagi kajian ini, dua faktor utama telah dipilih untuk dikenalpasti sama ada mempunyai perkaitan secara langsung dengan kefungsiian keluarga berisiko. Faktor-faktor tersebut ialah sokongan sosial (jumlah sumber sokongan dan kepuasan terhadap sokongan yang diterima) serta interaksi keluarga (kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan). Kedua-dua komponen ini dapat menerangkan pengaruh faktor luaran dan dalaman terhadap kefungsiian keluarga berisiko. Dapatan kajian Bilynsky dan Vernaglia (1999) menunjukkan bantuan serta sokongan daripada organisasi dan individu di luar keluarga dapat memberi impak yang positif terhadap keluarga. Melalui pemahaman tentang tahap penerimaan sokongan daripada individu di dalam dan luar keluarga, adalah diharapkan masyarakat akan dapat membantu keluarga berisiko supaya dapat berfungsi dengan lebih baik.

Sehubungan dengan tinjauan ringkas di atas, kajian ini telah dijalankan bagi mengenalpasti adakah wujud perkaitan di antara sokongan sosial (jumlah sumber sokongan dan kepuasan terhadap sokongan yang diterima) dan interaksi keluarga (kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan) dengan kefungsiian keluarga berisiko. Dapatan kajian ini diharapkan dapat menjelaskan sejauhmana faktor luaran dan dalaman dapat memberi kesan terhadap kefungsiian keluarga berisiko. Kajian ini seterusnya diharapkan dapat mengenalpasti apakah komponen yang mampu memberi kekuatan kepada

keluarga berisiko untuk berfungsi dengan lebih baik dalam menangani kepayahan hidup yang dihadapi serta membesarkan anak yang resilien.

Kenyataan Masalah

Kajian ini bertujuan mengenalpasti perkaitan di antara sokongan sosial (jumlah sumber sokongan dan kepuasan terhadap sokongan yang diterima) dan interaksi keluarga (kualiti perkahwinan dan kualiti tingkahlaku keibubapaan) dengan kefungsi keluarga berisiko. Secara amnya, kajian ini cuba meneliti sejauhmanakah faktor luaran (sokongan sosial) dan dalaman (interaksi keluarga) memberi impak terhadap tahap kefungsi keluarga berisiko. Responden kajian lanjutan ini terdiri daripada subsampel ibu kepada anak remaja resilien dalam kajian 'Ekologi Keluarga Berisiko: Proses Interaksi dan Perkembangan Resiliensi Anak' (Rumaya, Rozumah & Rojanah, 2000), yang dibiayai oleh IRPA (*Intensification of Research in Priority Areas*). Kajian ini dirangka khusus bagi menjawab beberapa persoalan berikut:

1. Apakah ciri latarbelakang responden (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan, jumlah pendapatan bulanan keluarga dan bilangan anak), tahap sokongan sosial (jumlah sumber sokongan dan kepuasan terhadap sokongan yang diterima), kualiti perkahwinan (kepuasan dan pengurusan konflik perkahwinan), kualiti tingkahlaku keibubapaan dan kefungsi keluarga berisiko?

2. Adakah terdapat perkaitan di antara faktor latarbelakang responden (umur, jumlah tahun pendidikan, status pekerjaan, jumlah pendapatan bulanan keluarga dan bilangan anak) dengan kefungsiian keluarga berisiko?
3. Adakah terdapat perkaitan di antara sokongan sosial (jumlah sumber sokongan dan kepuasan terhadap sokongan yang diterima), kualiti perkahwinan (kepuasan dan pengurusan konflik) dan kualiti tingkahlaku keibubapaan dengan kefungsiian keluarga berisiko?
4. Apakah faktor penentu unik kefungsiian keluarga berisiko?

Kepentingan Kajian

Di Malaysia, kajian mengenai sokongan sosial, interaksi keluarga dan kefungsiian keluarga berisiko masih kurang. Kajian ini cuba mengenalpasti tahap sokongan sosial yang diterima oleh keluarga berisiko, interaksi keluarga dan perkaitannya dengan kefungsiian keluarga. Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu masyarakat supaya lebih memahami fenomena sistem sokongan, interaksi keluarga dan kefungsiian keluarga berisiko di negara ini.

Hasil kajian ini diharapkan dapat mendorong masyarakat, kerajaan dan badan bukan kerajaan mengambil tindakan sewajarnya dalam memberi sokongan terhadap keluarga berisiko, bersesuaian dengan pembangunan pesat negara. Program pencegahan dan pemulihan berkaitan sistem sokongan, interaksi keluarga dan kefungsiian keluarga yang dianjurkan oleh agensi berkaitan diharapkan dapat membantu keluarga berisiko dalam menangani pelbagai